


Alkitab untuk Anak-anak memperkenalkan



Si Raja Bodoh Yang Tampan



Allah menunjuk kepada Tuhan dalam Alkitab.

Penulis: Edward Hughes

Digambar oleh: Janie Forest
Alastair Paterson

Disadur oleh: Lyn Doerksen

Diterjemahkan oleh: Julie TY


Dihasilkan oleh: Bible for Children
www.M1914.org

©2024 Bible for Children, Inc.

Izin: Saudara mempunyai hak untuk membuat salinan atau
mencetak cerita ini selagi ia bukan dijual.

1

Samuel, hakim dan pemimpin Israel sudah tua. Dia mengangkat anak-anaknya menjadi Hakim bagi Bangsa Israel, untuk menggantikan dia dalam melayani Tuhan. Tetapi anak-anak Samuel jahat. Mereka sukakan wang dan menggunakan kuasa mereka untuk mendapatkan wang secara tidak bermoral.




2

Orang-orang Israel menderita atas kejahatan anak-anak Samuel. Mahkamah yang tidak adil. Orang ramai terpaksa membayar anak-anak Samuel setiap kali mereka memerlukan bantuan.



3

Sesuatu harus dilakukan. Pada suatu hari, para tua-tua Israel berkumpul dan meminta bantuan Samuel. "Berikan kami seorang raja untuk mengadili kami," kata para tua-tua itu. Mereka tidak mahu anak-anak Samuel yang jahat menghakimi mereka. Mereka mahukan seorang raja seperti semua bangsa di sekeliling mereka.



4

Samuel marah. Israel sudah mempunyai Raja! Tuhan Yang Mahakuasa, Yang Kekal, memerintah Bangsa Israel. Berpuluh tahun yang lalu, Dia telah membebaskan mereka daripada perhambaan di Mesir, membuka Laut Merah untuk membebaskan mereka.

5

Kemudian Dia memberikan kepada Israel tanah yang indah.

6

Ketika Samuel berdoa, TUHAN berkata, "Mereka tidak menolak engkau, tetapi mereka telah menolak Aku, supaya Aku tidak menjadi raja atas mereka. Mereka telah beribadah kepada allah lain.

Dengarkanlah suara mereka dan angkatlah satu raja untuk mereka."



7

Tuhan memberitahu Samuel untuk memberitahukan amaran kepada orang ramai bahawa raja duniawi mereka akan mengambil wang mereka sebagai cukai; membenarkan dirinya ke dalam ladang anggur terbaik mereka; memerintahkan anak-anak mereka ke dalam tenteranya; dan perintahkan anak perempuan mereka untuk bekerja untuknya.

8



Tetapi orang-orang itu tetap menginginkan seorang raja.

9




Tuhan membawa Samuel kepada seorang pemuda yang sangat kacak, sangat pemalu, dan sangat TINGGI - sekepala lebih tinggi daripada orang lain. Namanya Saul. Ketika Samuel melihat Saul, TUHAN berfirman, "Orang ini akan memerintah atas umat-Ku."

10



Dengan taat, Samuel mengurapi Saul sebagai raja Israel. Ketika dia menghadapkan Saul kepada Bangsa Israel, mereka bersorak, "Hidup Raja!"

11




Tidak lama kemudian Raja Saul diuji. Orang Amon, yang membenci Bangsa Israel, mengepung sebuah kota Israel dan mengancam untuk mencabut mata kanan setiap orang. Sungguh kejam rancangan mereka itu!

Berita itu sampai kepada Raja Saul.


Dia mempersiapkan tenteranya.

12



Apabila kedua-dua tentera itu bertemu, Saul mengalahkan orang-orang Amon dan menyelamatkan kota itu. Raja Saul memberikan pujian kemuliaan kepada Tuhan, dengan berkata "... hari ini TUHAN telah memberikan keselamatan di Israel!"

13



Tuhan memberi Saul kemenangan besar pada hari itu. Tetapi Saul tidak selalu menghormati Tuhan. Suatu hari, sebelum menyerang orang Filistin, Saul mempersembahkan korban kepada Tuhan. Saul tahu itu adalah tugas Samuel. Saul tahu Tuhan mahu dia menunggu sehingga Samuel datang untuk melakukannya. Tetapi Saul tidak taat kepada Tuhan!

14

Apabila Samuel sampai, dia memberitahu Saul, "Engkau telah melakukan satu kebobohan. Engkau tidak mengikuti perintah TUHAN, Allahmu. Sekarang kerajaanmu tidak akan berlanjut."



15

Saul mungkin menganggap itu adalah dosa kecil. Tetapi setiap dosa kepada Allah itu sentiasa serius.




16

Di waktu yang lain, Tuhan memerintahkan Saul untuk membinasakan orang Amalek yang jahat. Tetapi Saul dan rakyat membiarkan Raja Agag dari Amalek hidup.



17

Mereka juga menyimpan barang berharga, biri-biri dan lembu. Saul berkata mereka menyimpan barang-barang ini untuk dipersembahkan kepada TUHAN.



18

Samuel berkata kepada Saul, "Sesungguhnya mendengarkan lebih baik dari pada korban sembelihan. Engkau telah menolak Firman Tuhan, maka Ia menolak engkau sebagai raja." Saul sangat menyesali dosanya. Tetapi sudah terlambat. Hingga ke akhir hidupnya, dia tidak bahagia kerana dia tidak taat kepada TUHAN.



19

Si Raja Bodoh Yang Tampan
satu cerita dari Firman Tuhan, Alkitab,
terdapat dalam
1 Samuel 8-16

"Bila tersingkap, firman-firman-Mu memberi terang, memberi pengertian kepada orang-orang bodoh." Mazmur 119:130

20



TAMAT

18



60

21

Alkitab memberitahu kita tentang Allah kita yang hebat yang membentuk kita dan ingin kita mengenali Dia.

Allah tahu kita telah melakukan banyak perkara buruk yang dipanggil dosa. Hukuman bagi dosa adalah maut tetapi Allah sangat mengasihi kita. Dia telah mengutus AnakNya yang tunggal, Yesus, mati di kayu Salib dan dihukum kerana dosa-dosa kita. Kemudian Yesus bangkit dan hidup kembali; dan pulang ke syurga! Jika anda percaya kepada Yesus dan meminta Dia mengampuni dosa-dosa kamu, Dia akan melakukannya! Dia akan datang dan tinggal di dalammu sekarang, dan anda akan hidup bersamaNya untuk selama-lamanya.

Jika anda percaya ini adalah benar, katakan ini kepada Allah: Tuhan Yesus, saya percaya bahawa Anda adalah Allah, dan menjadi seorang manusia yang mati untuk dosa saya, dan kini Anda hidup sekali lagi. Sila datang ke dalam hidup saya dan mengampuni dosa saya, supaya saya dapat memiliki satu hidup baru, dan satu hari nanti akan ku bersama dengan Anda selama-lamanya. Bantu saya untuk mentaati Anda dan hidup sebagai anakMu. Amin.

Baca Alkitab dan berbicara dengan Allah setiap hari! Yohanes 3:16

22